

APRIL 2024

NADI SUKARELWAN



**Diterbitkan oleh:**

Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Cawangan Negeri Sembilan,
Kampus Seremban
Persiaran Seremban Tiga/1, Seremban 3,
70300 Seremban, Negeri Sembilan,
Malaysia Phone: 606-6342000, Faks: 606-6335813

Tiada sebarang bahagian daripada penulisan ini boleh diubah, disalin, diedarkan semula, disiarkan, dipaparkan, diterbitkan, dilisensikan, dipindahkan, dan dijual dalam apa jua bentuk tanpa mendapat kebenaran bertulis oleh ketua penyunting.

Penafian:

Sebarang maklumat dalam penulisan ini adalah pendapat peribadi dan pengetahuan oleh penulis artikel tersebut. Pembaca dinasihatkan untuk mendapatkan pendapat profesional sebelum mengikuti sebarang maklumat dalam penulisan ini. Pihak universiti, fakulti, penerbit dan barisan penyunting tidak akan bertanggungjawab dan tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang risiko kerugian secara langsung atau tidak langsung atas maklumat yang dipaparkan.

eISBN : 978-629-99383-2-3

Tarikh Diterbitkan: 30 April 2024

NURAIN DINOBATKAN SEBAGAI SUKARELAWAN CEMERLANG

Nurain Binti Shamsur Anuar, seorang pelajar semester 3 jurusan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Sukan di Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi, juga merupakan seorang pelajar yang aktif sebagai Komander UiTM telah menyertai aktiviti sukarela sejak tahun 2022.

Minat mendalam terhadap sukarelawan sukan mendorong Nurain untuk terlibat dalam kejohanan bertaraf antarabangsa seperti Kejohanan Asian Track & Para Cycling dan Kejohanan Mirnawan Cup dimana beliau memberikan sumbangan kepada Majlis Sukan Negara (MSN) dengan membantu memastikan kelancaran kejohanan tersebut. Beliau juga pernah terlibat sebagai sukarelawan di dalam Kejohanan Peringkat MSSM Pendidikan Khas, Negeri Sembilan yang boleh dikategorikan sebagai pengalaman berharga yang berbeza daripada kejohanan sukan lain.



Ketekunan dan pengalaman yang diperoleh melalui penyertaan dalam kejohanan antarabangsa dan kebangsaan telah memberikan suntikan semangat kepada Nurain untuk meneruskan penglibatan sebagai sukarelawan. Kesungguhan ini membawa beliau untuk memberikan khidmat bakti kepada Jawatankuasa Sekretariat & Sukarelawan KARISMA kali ke-29, 2024.

Penglibatan Nurain sebagai sukarelawan bukan sahaja mencerminkan kecintaan kepada sukan tetapi juga menunjukkan semangat membantu dan memberi kepada masyarakat melalui aktiviti sukarela. Beliau tidak hanya mengejar minat peribadi, tetapi turut berhasrat untuk menyumbangkan kemahiran dan pengalamannya untuk kelancaran setiap acara sukan yang dijalankan.

Dengan keprihatinan dan semangat sukarelawan yang dibawa oleh Nurain, beliau memberikan contoh positif kepada rakan sebaya dan juga menjadi inspirasi bagi pelajar lain di Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi. Keberanian dan komitmen Nurain dalam dunia sukarelawan sukan membawa sinar baru kepada aktiviti sukarela terutamanya di kalangan pelajar universiti.

Sebagai seorang sukarelawan, Nurain turut melibatkan diri dalam tanggungjawab dalam mengelola kejohanan, menunjukkan kemahiran kepimpinan dan organisasi yang tinggi. Beliau juga menyedari bahawa sukarelawan memainkan peranan penting dalam membentuk jati diri seterusnya menyokong pembangunan sukan di negara ini.

Dengan adanya pelajar seperti Nurain yang gigih dan berdedikasi dalam bidang sukarelawan sukan, diharapkan ia akan menjadi inspirasi kepada generasi muda untuk turut terlibat dalam aktiviti sukarela demi pembangunan komuniti dan perkembangan sukan negara. Kesungguhan dan semangat sukarelawan seperti Nurain merupakan aset berharga yang dapat memberikan impak positif kepada masyarakat dan negara.